

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST): SKIM KHAS KADAR RATA UNTUK PEKEBUN KECIL SAWIT

KANDUNGAN

● Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST): Skim Khas Kadar Rata untuk Pekebun Kecil Sawit	1
● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Kenalilah...	4
● Kuiz Sawit	7
● Sudut Teknologi	9
● Sembang Sawit	10
● Sudut Kreatif Sawit	11
● Sedutan Akhbar	12
● Tahukah Anda?	14
● Diari & Peristiwa	15
● Sudut Ekonomi	19
● Berita Bergambar	20
● Peladang Jaya	23
● Direktori MPOB	27
● Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN)	31



ekanisme Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bagi sektor industri sawit di Malaysia diklasifikasikan sebagai pembekalan bercukai iaitu berkadar standard (GST 6%), berkadar

sifar (GST 0%) dan dikecualikan GST. Pendaftaran GST adalah mandatori bagi pengeluar yang mencatatkan nilai perolehan melebihi nilai ambang yang ditetapkan iaitu RM 500 000. Bagi sektor pekebun kecil sawit yang mencatatkan nilai jualan buah tandan segar (BTS) di bawah RM 500 000 setahun, mereka layak memohon untuk dikategorikan di bawah Skim Khas yang dikenali sebagai Skim Kadar Rata (SKR) di bawah peraturan GST.

SKR merupakan satu kemudahan untuk pekebun kecil sawit yang tidak layak berdaftar di bawah GST untuk mendapat kembali sebahagian GST yang ditanggungnya ke atas pembelian input seperti pembelian baja dan racun. Apabila pekebun kecil sawit tersebut telah diluluskan di bawah SKR, beliau boleh mengenakan Kadar Rata Tambahan (2%) apabila menjual BTS kepada pembeli iaitu sama ada daripada peniaga atau pengilang BTS yang berdaftar GST.

Kutipan kadar rata 2% ini tidak perlu dibayar kembali kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Namun begitu, secara automatik pekebun kecil yang telah diluluskan di bawah SKR akan terkeluar daripada SKR sekiranya memperoleh hasil jualan tahunan BTS melebihi RM 500 000.

Pekebun kecil sawit yang layak untuk memohon skim ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Dia adalah orang yang tidak berdaftar di bawah GST.
2. Dia adalah ahli kepada persatuan atau badan yang dikawal selia oleh pihak berkuasa/lembaga seperti ditetapkan dalam peraturan-peraturan GST (*Jadual 1*).

Bersambung ke muka surat 2

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Dr Ahmad Kushairi Din

TIMBALAN PENERUSI
Hj Wahid Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Dr Norman Kamarudin
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Hj Zulkifli Abd Manaf
Raja Zulkifli Raja Omar
Ab Aziz Md Yusof
Noor Asmawati Abd Samad
M Ayatollah K Ab Rahman
Abdullah Hashim

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

JADUAL 1. BADAN-BADAN YANG DIKTIRAF DI BAWAH SKIM KADAR RATA (SKR)

Agensi

Jabatan Pertanian
Jabatan Perikanan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lembaga Getah Malaysia
Lembaga Koko Malaysia
Lembaga Lada Malaysia
Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
Lembaga Pertubuhan Peladang
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
Jabatan Pertanian Sarawak
Lembaga Industri Getah Sabah
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Negeri Sabah

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (2014).

3. Dia menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti ditetapkan.
4. Sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pembekalan barang dalam setahun melibatkan satu atau lebih aktiviti ditetapkan.

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Pengeluaran minyak sawit negara pada 2014 telah menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 2.3% kepada 19.67 juta tan berbanding 19.22 juta tan pada 2013. Walaupun dalam keadaan pertumbuhan ekonomi dunia yang rendah, industri sawit terus menjadi antara penyumbang utama hasil negara. Pengeluaran minyak sawit negara bukan sahaja telah disumbangkan oleh pihak estet, ia juga turut disumbangkan oleh golongan pekebun kecil termasuk pekebun kecil sawit persendirian yang bersama-sama memainkan peranan penting.

Usaha kerajaan dalam membantu meningkatkan pendapatan kumpulan sasaran khususnya pekebun kecil sawit persendirian terus dipergiatkan menerusi pelbagai cara untuk memperbaiki produktiviti mereka. Selain pemberian bantuan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan juga bantuan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) yang telah dijalankan sejak tahun 2011, kini satu lagi bantuan berupa pemberian baja kepada pekebun kecil akan mula dilaksanakan mulai awal tahun 2015. Bantuan baja ini disediakan kepada pekebun kecil yang telah menjalankan penanaman semula atau penanaman baru sawit mulai tahun 2011 hingga 2014 tetapi tidak pernah menerima sebarang bantuan dari kerajaan sama ada TSSPK atau TBSPK. Pemberian bantuan ini dilihat wajar kepada pekebun kecil di mana pembajaan merupakan salah satu faktor penting untuk memperoleh hasil yang baik selain penggunaan anak benih berkualiti. Apa yang penting, kesemua bantuan yang telah diterima perlu digunakan mengikut kaedah yang betul dan dimanfaatkan dengan baik oleh pekebun kecil supaya benar-benar memberi faedah kepada mereka.

Selaras dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015, pekebun kecil telah diberi kemudahan oleh kerajaan bagi mereka mendapat kembali sebahagian GST yang ditanggung ke atas pembelian input seperti baja dan racun melalui Skim Kadar Rata (SKR) melalui jualan buah tandan segar (BTS) kepada peniaga atau pengilang yang berdaftar.

Selain pelbagai bantuan dan kemudahan disediakan oleh pihak kerajaan kepada pekebun kecil, MPOB yang berperanan menyediakan teknologi baru terus berusaha untuk memperbaiki peningkatan hasil sawit negara. Sudut Teknologi kali ini memuatkan teknologi yang dikenali sebagai SureSawit™ SHELL iaitu satu kaedah pengesanan menggunakan kelengkapan diagnostik untuk meramal jenis baka sawit. Teknologi ini dikatakan berupaya mengenal pasti tanaman sawit sama ada

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

jenis dura (D), pisifera (P) atau tenera (DxP) dengan lebih awal iaitu semasa di peringkat nurseri lagi. Ia berperanan untuk mengelakkan pencemaran jenis sawit yang tidak dikehendaki terutamanya jenis dura supaya tidak ditanam di ladang. Selain itu, teknologi ini berupaya membantu mempercepatkan penghasilan baka baru melalui proses pembiakbakaan sawit. Penggunaan teknologi ini dijangka dapat memberi impak yang besar dalam membantu meningkatkan pengeluaran hasil dan seterusnya menambah pendapatan pekebun kecil.

Beberapa teknologi baru dalam industri sawit dijangka akan diketengahkan oleh MPOB semasa penganjuran Seminar Pemindahan Teknologi 2015 (Transfer of Technology) kali ke-21 yang merupakan program tahunan MPOB. Seminar ini akan dianjurkan pada 9 Jun 2015 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi, Selangor. Pihak industri termasuk pekebun kecil dialu-alukan untuk menyertai seminar tersebut bagi mendapatkan teknologi terkini dalam usaha memperkasakan industri sawit negara.

Sambungan dari muka surat 2

Berikut merupakan keperluan di bawah SKR yang harus dipenuhi oleh pekebun kecil sawit setelah diluluskan iaitu:

1. Boleh mengenakan satu tambahan kadar rata (2%) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada mana-mana orang berdaftar GST.
2. Mesti mengemukakan bukti invoice yang menyatakan maklumat aktiviti.
3. Pekebun boleh menyimpan tambahan kadar rata tersebut dan tidak perlu dibayar kembali kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
4. Tidak boleh menuntut sebarang cukai input yang ditanggung ke atas pembelian inputnya.
5. Pembeli boleh menuntut kredit cukai input pada tambahan kadar rata yang dibayar kepada pekebun dan mesti disokong oleh invoice.
6. Mesti mengemukakan penyata tahunan yang menunjukkan jumlah jualannya dengan tambahan kadar rata kepada pembeli berdaftar.
7. Tertakluk kepada audit apabila dikehendaki.
8. Mesti menyimpan dokumen bagi semua transaksi yang berkaitan dengan skim ini selama tujuh tahun.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan bagi pekebun kecil sawit yang diluluskan di bawah SKR berbanding yang tidak memohon SKR. Contoh-

nya apabila harga BTS pada RM 440/t (sebelum pelaksanaan GST), bermula 1 April 2015 bagi pekebun kecil sawit yang telah diluluskan di bawah SKR akan mendapat tambahan harga sebanyak RM 8.80/t (RM 440 x 2%) daripada pembeli, berbanding tiada tambahan harga 2% bagi yang tidak memohon SKR.

JADUAL 2. PERBEZAAN HARGA BTS KESAN SKR (RM/t)

Permohonan SKR oleh pekebun kecil	Harga BTS tanpa SKR	Nilai SKR (2%)	Harga BTS + SKR
Diluluskan	440.00	8.80	448.80
Tidak memohon	440.00	0.00	440.00

Permohonan untuk SKR boleh dibuat di atas talian dengan melayari <http://gst.customs.gov.my>. Permohonan SKR masih lagi dibuka untuk tahun 2015 oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Sebagai kesimpulan, industri sawit di Malaysia dijangka akan terus berdaya saing apabila GST dilaksanakan mulai 1 April 2015. Melalui GST, pengeluar yang berdaftar di bawah GST boleh menuntut kembali cukai input yang ditanggung dalam proses pengeluaran produknya. Pasaran produk sawit Malaysia lebih berorientasikan eksport (melebihi 80%) dan kadar GST bagi produk yang dieksport ialah sifar (GST 0%). Selain itu, kadar GST di Malaysia adalah yang terendah (6%) di dunia berbanding negara pengeluar minyak sawit yang lain (Indonesia dan Thailand masing-masing kadar GSTnya pada 10% dan 7%). Pelaksanaan GST dijangka dapat memacu industri sawit Malaysia ke tahap yang lebih baik di samping menyumbang kepada pendapatan negara. Ini bersesuaian dengan tema GST itu sendiri iaitu 'Membangun dan Maju Bersama'.




Sumbangan:
Ayatollah K. Ab Rahman
(ayat@mpob.gov.my)

SureSawit™ SHELL - KELENGKAPAN DIAGNOSTIK MERAMAL KENALILAH... BUAH SAWIT

Industri sawit menghadapi cabaran daripada masyarakat dunia bagi meningkatkan produktiviti dan mengekalkan kelestarian untuk berdaya saing dalam industri yang kompetitif. Meskipun sawit mempunyai kelebihan sebagai tanaman paling produktif berbanding tanaman bijian yang lain, tekanan tetap diterima bagi meningkatkan produktiviti menggunakan keluasan tanaman sedia ada. Cabaran ini telah disahut MPOB dengan memperkenalkan pendekatan bersepadu bagi menangani masalah tersebut. Penyelidikan genomik MPOB, terutamanya usaha penjujukan genom sawit dan pengenalpastian gen *SHELL* telah pun dimulakan sejak 10 tahun lalu. Penemuan yang lebih signifikan telah ditemui pada 2009 apabila pendekatan baru dalam teknologi penjujukan membolehkan MPOB melakukan pentafsiran semula kod genom sawit. Hasil daripada pentafsiran ini, lakaran genetik yang lengkap untuk kedua-dua spesies *Elaeis guineensis* dan *Elaeis oleifera* telah berjaya disempurnakan pada 2013. Berikutan ini, penyelidikan penafsiran kod genom sawit tersebut telah diterbitkan dalam jurnal saintifik terkemuka, *Nature* pada Julai 2013. Maklumat genom yang dihasilkan MPOB ini menjadi rujukan kepada komuniti bioteknologi tempatan dan antarabangsa yang terlibat dalam industri sawit serta tanaman lain yang berkaitan.

Sasaran awal selepas kejayaan mentafsir kod genom ialah untuk mengenal pasti gen *SHELL* yang bertanggungjawab terhadap pembentukan buah, yang mana ciri-ciri yang berbeza di antara *dura*, *tenera* dan *pisifera* (Rajah 1). Jenis sawit *dura*



Rajah 1. Jenis buah sawit *dura*, *pisifera* dan *tenera*.

mempunyai tempurung yang tebal tetapi sebaliknya sawit *pisifera* tidak mempunyai tempurung serta jarang menghasilkan buah sempurna. Hibrid yang dihasilkan daripada kedua-duanya dikenali sebagai *tenera* (DxP) yang mempunyai tempurung nipis. Faktor ketebalan tempurung adalah satu ciri sawit yang berkait rapat dengan saiz buah dan penghasilan minyak. Penghasilan minyak daripada *tenera* terbukti lebih optimum iaitu melebihi 30% daripada *dura*, manakala *pisifera* kebiasaannya tidak menghasilkan buah yang sempurna. Kumpulan penyelidik telah melakar peta genetik sawit yang lengkap bagi mengesan kedudukan gen *SHELL* yang telah berjaya dikenal pasti pada peta genetik. Ini diikuti dengan maklumat genom yang memudahkan usaha mengesan gen yang bertanggungjawab terhadap pembentukan tempurung. Pengenalpastian gen *SHELL* juga telah diterbitkan dalam jurnal *Nature*.

Kejayaan menerbitkan dua artikel dalam *Nature* merupakan pencapaian cemerlang bagi saintis Malaysia yang melangkaui piawai antarabangsa. Penghasilan minyak yang lebih tinggi oleh *tenera* berbanding *dura* dan *pisifera* dapat dibuktikan secara genetik melalui penemuan ini. Walaupun pewarisan bentuk buah telah diakui dan dikenal pasti sejak 70 tahun lalu, identiti gen yang terlibat masih tidak diketahui sehinggalah penemuan gen *SHELL* oleh penyelidik MPOB. Perdebatan dan persaingan di kalangan saintis tempatan dan antarabangsa bagi mengenal pasti gen tersebut berakhir dengan kejayaan MPOB mewartakan penemuan gen *SHELL* tersebut.

Dari segi pelaksanaan, penemuan gen *SHELL* ini mempunyai kesan yang amat besar dalam program pembiakbakaan sawit dan penghasilan biji benih komersial di mana ia telah membuka ruang yang lebih luas ke arah peningkatan produktiviti sawit. MPOB juga telah menjana paten daripada penemuan tersebut, sekali gus memantapkan usaha mengukuhkan harta intelek bagi melindungi tanaman yang sumbangannya amat penting kepada ekonomi negara.

Lanjutan daripada penemuan gen tersebut, MPOB telah bekerjasama dengan *Orion Biosciences™* bagi membangunkan kelengkapan diagnostik *SureSawit™ SHELL* yang membolehkan ketiga-tiga jenis sawit (*dura*, *pisifera* dan *tenera*) dikenal pasti dengan lebih awal walaupun di

Sambungan dari muka surat 4



Rajah 2. Pembangunan kelengkapan diagnostik SureSawit™ SHELL melambangkan komitmen MPOB dalam meningkatkan produktiviti serta kelestarian industri sawit negara.

peringkat tapak samaian lagi. Teknologi SureSawit™ SHELL ini diakui memberi ketepatan 100% dalam membezakan tiga bentuk buah sawit tersebut (Rajah 2). Secara langsung ia berperanan mempercepatkan penghasilan baka baru melalui proses pembiakbakaan sawit dan seterusnya memberi impak yang besar dalam meningkatkan hasil minyak, terutamanya kepada pekebun kecil sawit.

Hubung kait penggunaan teknologi genom dalam pembangunan kelengkapan diagnostik SureSawit™ SHELL ini secara langsung dapat memberi manfaat dalam memperbaiki peningkatan produktiviti sawit negara. Ia juga merupakan serampang dua mata dalam merealisasikan 'Strategi Laut Biru' ke arah membanteras penanaman benih *dura* atau *pisifera* di kebun pekebun kecil dan ladang komersial. Kesimpulannya, pengesanan awal daripada pencemaran biji benih *dura* dan *pisifera* semasa proses penghasilan biji benih hibrid *tenera* ini dapat mengelakkan pembaziran dari segi kos penyelenggaraan akibat tanaman yang berkualiti rendah.



Sumbangan:
Dr Rajinder Singh
(rajinder@mpob.gov.my)

Sudut Renungan

“Dialah yang telah menurunkan air (hujan) dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuhan, padanya kamu mengembalikan ternakanmu. Dengan (air hujan) itu Dia (Allah) menumbuhkan untuk kamu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan. Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berfikir.”

(Surah An-Nahl: 10-11)

PERUNDING KHIDMAT NASIHAT LADANG DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN



KATEGORI TANAMAN



KELAPA SAWIT



PADI



GETAH

KEKUATAN -

PANEL YANG BERPENGALAMAN LEBIH 30 TAHUN

1. DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- HJ. ESNA AB GHANI – MPOB
- DR. YUSOFF NOOR – LGM
- DR. MOHD ARIS JUNUS – MARDI

2. DALAM INDUSTRI PERLADANGAN

- HJ. MUSA SALAMI – SIME DARBY
- HJ. ROSMAN – BOUSTEAD
- HJ. ZULKIFLI – ESPEK
- HJ. MD AZIZ ALJ – ESPEK

TERAJU KORPORAT SDN BHD

NO. 45A, JALAN MEDAN PUSAT 2C, SEKSYEN 9, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

HUBUNGI KAMI : 012-759 0005(Yusdi) / 019-525 5736(Hamzah) / 016-223 5120(Haris)

PROMOSI!!!

**KHIDMAT NASIHAT
LADANG**

PERCUMA*

**PEMANTAUAN LADANG
KEPADA PEKEBUN KECIL**

PERCUMA*

*Mengikut Syarat dan Terma



HUBUNGI KAMI :

TEL : 03-8927 5585/86

FAK : 03-8927 5587

email : 94tksb@gmail.com

FB: [teraju korporat sdn bhd](https://www.facebook.com/teraju.korporat.sdn.bhd)

whatsapp : 012-759 0005

**DAFTAR SEBAGAI AHLI KELAB SAHABAT
TAMI – PERCUMA MELALUI WHATSAPP**

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 OGOS 2015**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
Faks: 03-8920 2932
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN
ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 59(1)/JANUARI-APRIL 2015**

1. Syarat-syarat kelayakan untuk memohon Skim Kadar Rata (SKR) bagi pekebun kecil sawit ialah:
 - i. Pekebun yang tidak berdaftar di bawah cukai barangan dan perkhidmatan (GST).
 - ii. Pekebun menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti yang ditetapkan.
 - iii. Ahli kepada persatuan yang dikawal selia oleh pihak berkuasa atau lembaga.
 - iv. Pekebun memperoleh hasil jualan tahunan BTS melebihi RM 500 000.
 - a. i, ii, iii
 - b. i, ii, iv
 - c. i, iii, iv
 - d. Semua di atas

Bersambung ke muka surat 8



Sambungan dari muka surat 7

2. Apakah peralatan yang dapat membantu mengenal pasti dan membezakan tiga jenis baka sawit di peringkat awal sebelum pembentukan buah?
 - a. Gen SHELL
 - b. Orion Biosains™
 - c. SureSawit™ SHELL
 - d. Hibrid tenera

3. Apakah perbezaan antara sawit *dura*, *pisifera* dan *tenera* (DxP)?
 - a. Ketebalan tempurung
 - b. Saiz buah
 - c. Warna buah
 - d. Bilangan buah pada satu tandan

4. Berapakah anggaran penggunaan minyak sawit setahun bagi pelaksanaan B7 di seluruh Malaysia?
 - a. 667 000 t/thn
 - b. 575 000 t/thn
 - c. 150 000 t/thn
 - d. 6900 t/thn

5. Nyatakan jenis integrasi tanaman dan ternakan yang dijalankan oleh Peladang Jaya, Hj Mohd Janis Abu Bakar?
 - i. Nanas
 - ii. Pisang
 - iii. Kambing
 - iv. Lembu
 - a. i dan ii
 - b. ii dan iii
 - c. ii dan iv
 - d. iii dan iv

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

TAHNIAH! PEMENANG KUIZ SAWIT BIL. 58(3)/SEP-DIS 2014

Nama Pemenang:

1. Siti Mahfudzoh bt Misnan
2. Rozita Aelliyana bt. Abd Majid
3. Chu Kamariah bt. Shafie

JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 58(3)/ SEP-DIS 2014

1. C
2. D
3. C
4. D
5. C

SUDUT TEKNOLOGI

PENGGUNAAN SureSawit™ SHELL

Penemuan gen *SHELL* yang terlibat dalam pembentukan tiga jenis buah sawit iaitu *dura*, *tenera* dan *pisifera* yang berbeza dari segi ketebalan tempurung telah memudahkan kaedah mengenal pasti tiga bentuk buah ini di peringkat awal meskipun sebelum pembentukan buah. Bagi merealisasikan penemuan ini kepada pengguna, kelengkapan diagnostik *SureSawit™ SHELL* telah berjaya dibangunkan dengan kerjasama MPOB dan *Orion Biosains™*. Melalui kelengkapan diagnostik ini, pekebun kecil dapat memastikan sawit komersial yang ditanam adalah daripada baka *tenera* sahaja, bagi mengelakkan pencemaran dengan baka *dura* yang dilaporkan mencecah sehingga 10% secara purata. Penemuan ini amat bermakna kepada pekebun kecil yang sebelum ini sering tertipu dengan jaminan baka *tenera* oleh pembekal sebaliknya baka *dura* yang dibekalkan sehingga menyebabkan hasil menurun. Kadar pengeluaran yang rendah daripada baka *dura* memberi kesan kepada kadar pengeluaran negara. Sebelum teknik mengesan tiga bentuk buah ini dikenal pasti, peladang terpaksa menunggu sehingga enam tahun bagi menentukan buah sawit yang dihasilkan mempunyai bentuk tempurung yang dikehendaki. Sekiranya didapati sawit tersebut bukan daripada baka *tenera*, maka pada masa itu sudah agak terlewat untuk menyingkirkan pokok sawit tersebut di ladang.



Rajah 1. Sampel di tapak semaian kini boleh dikenal pasti dengan tepat sama ada *dura*, *tenera* atau *pisifera* walaupun belum membentuk buah.

Penemuan gen *SHELL* ini membantu ahli biak baka dalam mengendalikan barisan calon induk jantan (*pisifera*) dan betina (*dura*) secara lebih tepat semasa proses penghasilan hibrid

tenera. Oleh itu, bagi meningkatkan produktiviti dengan lebih efisien, penggunaan sumber tanah, buruh dan bahan lain akan digunakan secara lebih berkesan bagi menghasilkan bentuk buah yang diinginkan. Penemuan ini juga mengubah paradigma penghasilan biji benih komersial dengan memperbaiki dan mempercepatkan program biak baka ke arah penghasilan varieti baharu yang berprestasi tinggi.



Rajah 2. Kelengkapan diagnostik *SureSawit™ SHELL* boleh diguna pakai dalam proses mengenal pasti pokok sawit *tenera*.

Pembangunan kelengkapan diagnostik *SureSawit™ SHELL* telah membuka ruang bagi mengoptimalkan penggunaan tanah sekali gus mengurangkan tekanan untuk membuka kawasan baharu penanaman sawit. Penemuan ini juga secara langsung membantu menyeimbangkan kepentingan untuk memenuhi permintaan minyak masak dan bahan api di samping pemuliharaan hutan hujan tropika. Maklumat berkaitan genom dan *SHELL* juga menjadi pemangkin kepada pelbagai sumbangan hiliran yang amat diperlukan industri sawit. Maklumat genom sawit merupakan sumber yang amat bernilai kepada ahli biak baka, genetik dan evolusi biologi. Di samping itu, ia memudahkan usaha mengenal pasti gen yang berperanan dalam pengeluaran dan ciri kualiti yang melibatkan warna buah, kerintangan penyakit dan ketinggian.


Penemuan ini juga mempunyai kepentingan khusus dalam program pembiakbakaan sawit. Kelengkapan diagnostik *SureSawit™ SHELL* berupaya membezakan *dura*, *pisifera* dan *tenera* pada peringkat tapak semaian. *Pisifera* boleh ditanam berasingan untuk pengaruhan bunga jantan dan memudahkan penghasilan debunga bagi program pembiakbakaan. Seterusnya ahli biak baka berpeluang memilih *pisifera* sasaran dan

Sambungan dari muka surat 9

menguji secara lebih khusus untuk menghasilkan *tenera* bermutu tinggi. Pengeluar benih sawit dan pengusaha tapak semaian pula boleh menggunakan teknologi ini untuk memastikan hanya buah sawit jenis *tenera* sahaja yang dicambah untuk pembekalan bahan tanaman komersial bagi menjamin hasil pengeluaran yang tinggi. Teknologi ini juga berupaya menjana penghasilan baka induk yang sesuai pada masa hadapan.

Dengan keupayaan *SureSawit™ SHELL*, pekebun kecil dan peladang boleh memanfaatkan teknologi ini sebagai kaedah pengawalan mutu bahan tanaman. Pengesanan awal pencemaran oleh bahan tanaman selain *tenera* akan membantu mengurangkan kerugian disebabkan penanaman bahan tanaman bermutu rendah. Kelengkapan diagnostik *SureSawit™ SHELL* juga boleh menjadi kayu pengukur dalam menetapkan pemeriksaan oleh Pegawai Penguatkuasa MPOB terhadap pengeluar biji benih dan pengusaha tapak semaian yang mendakwa bahan tanaman yang dibekalkan adalah daripada jenis *tenera*. Sehubungan itu, sebuah makmal yang menawarkan perkhidmatan ujian bahan tanaman *tenera* pada kos yang berpatutan akan disediakan


untuk pekebun kecil. Jaminan bahan tanaman hibrid *tenera* yang berkualiti tinggi merupakan usaha bersepadu amalan pertanian baik bagi meningkatkan prestasi pengeluaran sawit negara keseluruhannya.



Rajah 3. Perbezaan corak jalur DNA di antara dura (D), tenera (T) dan pisifera (P) berjaya dikesan di tapak semaian semasa ujian diagnostik.



Sumbangan:
Dr Rajinder Singh
(rajinder@mpob.gov.my)





AYAM GULUNG BAKAR MINANG



Bahan

- | | | |
|--------------------------------------|---|---|
| 1 ekor ayam (ambil isi) | } | Dipotong nipis dan digulung dengan daun kunyit
(seeloknya ambil bahagian dada) |
| Daun kunyit secukup rasa | | |
| 10 biji cili api | } | Dikisar halus |
| 5 biji cili merah | | |
| 3 biji bawang putih | | |
| 2 biji bawang besar | | |
| 3 biji buah keras | | |
| 1 inci kunyit hidup | | |
| 1 inci halia | | |
| 3 batang serai | | |
| 2 helai daun limau purut | | |
| 1 biji lemon | | |
| ½ cawan minyak sawit | | |
| 1 cawan santan sawit dan sedikit air | | |
| Garam dan gula secukup rasa | | |

Cara Penyediaan

1. Panaskan kuah dan tumis bahan-bahan kisar sehingga pecah minyak.
2. Masukkan ayam dan kacau perlahan sehingga ayam masak.
3. Masukkan garam, gula dan perahan lemon secukup rasa.
4. Masukkan ayam ke dalam bekas lain dan perahkan lemon di atas ayam.
5. Bakar dalam ketuhar dengan suhu 180°C hingga garing.
6. Tuangkan baki kuah yang dimasak ke atas ayam dan hidangkan.



Resipi disumbangkan oleh:
Pn Hamidah Khalil

(Unit Pembangunan Insan dan Pengurusan Persidangan, MPOB)

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : KERAJAAN TERUS TINGKATKAN DAYA SAING SAWIT

Sumber : Utusan Malaysia – 19 Januari 2015

KUALA LUMPUR – Kerajaan secara berterusan akan terus memperkenalkan pelbagai pendekatan bagi meningkatkan keupayaan sektor minyak sawit sama ada huluan mahupun hiliran.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, antara langkah yang telah diambil termasuklah melaksanakan penstrukturan duti eksport bagi minyak sawit mentah (MSM) di bawah program B7 yang berkuatkuasa November lalu di Semenanjung Malaysia manakala Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan pada Disember 2014.

Katanya, menerusi program itu, kerajaan menyasarkan sebanyak 576 000 t MSM akan digunakan dan dijangka meningkatkan sumbangan MSM, mengurangkan stok dan mengukuhkan harga di peringkat domestik.

“Berdasarkan pencapaian suku terakhir tahun lepas, ia dijangka akan terus memberi tekanan kepada harga minyak sawit dan turut memberi kesan kepada bekalan.”

“Dengan persaingan penuaian bagi sumber minyak daripada biji-bijian dan trend penurunan harga minyak mentah akan menjadi cabaran-cabaran pada tahun ini,” katanya ketika merasmikan Seminar Tinjauan Pasaran dan Ekonomi Minyak Sawit 2015 di sini hari ini.

Tajuk : MPOB YAKIN SASARAN RM 178 BILION KDNK

Sumber : Utusan Malaysia – 19 Januari 2015

KUALA LUMPUR – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) optimis dapat mencapai sasaran RM 178 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020 walaupun kini berdepan beberapa cabaran dalam ekonomi global.

Pengerusinya, Datuk Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad berkata, perkara itu berasaskan kepada pencapaian 2014 yang melepasi RM 60 bilion sumbangan KDNK.

Untuk itu katanya, tahun ini MPOB akan memberi fokus untuk menggalakkan pengkomersialan dalam industri hiliran yang mempunyai peluang luas dan boleh direbut oleh pemain industri sebagai satu daripada langkah untuk mencapai sasaran tersebut.

“Ini akan menjadi tumpuan kita pada tahun ini bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan mereka dalam industri hiliran di samping fokus kepada meningkatkan kawasan penanaman sawit.”

“Walaupun sasaran ini amat tinggi tetapi kita akan berusaha untuk mencapainya,” katanya selepas majlis perasmian Seminar Tinjauan Pasaran dan Ekonomi Minyak Sawit 2015 di sini hari ini.

Tajuk : BIODIESEL SAWIT B7 KINI MULA DIJUAL

Sumber : Sinar Harian Sabah – Sarawak 19 Januari 2015

BINTULU – Semua pemilik kenderaan diesel di Sarawak, Sabah dan Labuan boleh menggunakan biodiesel sawit B7 yang mesra alam serta menepati standard antarabangsa mulai hujung bulan ini setelah ianya dijual secara terhad di ketiga-tiga negeri mulai Disember 2014.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, biodiesel sawit B7 iaitu adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum akan dibekalkan ke 366 stesen minyak di Sarawak, Sabah dan Labuan mulai akhir bulan ini.

“Ini akan menggunakan sebanyak 138 000 t biodiesel sawit setahun,” katanya semasa pelancaran penggunaan biodiesel sawit B7 di Sarawak, Sabah dan Labuan di sini hari ini.”

Uggah berkata, dengan penggunaan B7 di ketiga-tiga negeri, dianggarkan 576 000 t biodiesel akan digunakan di seluruh negara setiap tahun.

“Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah memperuntukkan RM 340 juta bagi pembinaan kemudahan pengadunan biodiesel di 35 buah depoh petroleum seluruh negara,” katanya.

Sambungan dari muka surat 12

Tajuk : LOJI PENAPISAN AKAN TINGKAT EKSPORT MINYAK SAWIT

Sumber : **Borneo Post – 19 Januari 2015**

BINTULU – Pembinaan Kompleks Loji Penapisan Minyak Sawit SOP yang menghasilkan pelbagai produk minyak sawit seperti biodiesel serta vitamin E dan A merupakan langkah penting kerajaan menggalakkan pertumbuhan aktiviti hiliran industri penanaman sawit di negeri ini.

Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, kompleks loji penapisan luasnya lebih 100 ekar yang dibangunkan dengan pelaburan sekitar RM 29 juta sejak 2006 itu penting memandangkan masa depan industri sawit negara bergantung kepada keupayaan dan kapasiti aktiviti hiliran bergerak dalam menghasilkan makanan, bukan makanan, nutrien, farmaseutikal dan sebagainya.

Katanya, pembangunan kemudahan Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) antara harapan kerajaan untuk melihat lebih ramai pelabur dalam industri penanaman sawit melabur dengan menyediakan kemudahan loji penapisan.

“Kerajaan turut memperuntukan pelaburan sebanyak RM 105.7 juta dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) dan RMK-10 untuk membina POIC di Tanjung Manis,” ujarnya dalam sidang media selepas merasmikan Loji Biodiesel Sawit SOP Green Energy Sdn Bhd di Kompleks POIC Jalan Tanjung Kidurong, baru-baru ini.

Tajuk : SAWIT: MEP SEDIA SOKONG, PERTAHAN NEGARA

Sumber : **Borneo Post – 26 Februari 2015**

KUCHING – Ahli-Ahli Parlimen Eropah (MEP) menyatakan sokongan untuk membantah kempen oleh beberapa negara di Eropah yang memboikot produk sawit dari Malaysia.

Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Richard Asworth berkata, MEP sedia berdiri dan mempertahankan negara ini daripada dikedam oleh pihak tidak bertanggungjawab dari Eropah.

“Kita mahu Malaysia tahu bahawa MEP adalah sahabat dan akan berada di belakang mereka bagi mempertahankan serta membawa suara negara ini bagi menepis kempen anti-minyak sawit di Eropah”.

“Untuk itu, kehadiran kita ke negara ini adalah bagi mempelajari dan mengkaji mengenai tanaman sawit untuk kita memperkukuhkan hujah apabila berdebat setelah kembali ke Eropah nanti,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sebelum Majlis Makan Malam anjuran Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu di Hotel Pullman di sini, malam kelmarin.

Tajuk : PROGRAM BIODIESEL MAMPU TERUSKAN PROSPEK JANGKA PANJANG MINYAK SAWIT

Sumber : **Bername Online – 8 Mac 2015**

KUALA LUMPUR – Sektor minyak sawit yang ketika ini berdepan unjuran harga yang bercampur-campur bagi penggal pertengahan, mendapat lonjakan berikutan peralihan dasar bagi memacu program biodiesel yang dilihat mampu mengekalkan prospek komoditi itu bagi jangka panjang.

Kejayaan pelaksanaan program biodiesel di negara-negara pengeluar minyak sawit misalnya, boleh mengimbangi peningkatan inventori dan seterusnya mengukuhkan harga komoditi berkenaan.

Menyedari kepentingan itu, Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi telah mengetengah dan membuktikan komitmen Malaysia dalam pelaksanaan Program B10 di sektor lain termasuk industri dan penanaman tenaga.

Program B10 berkenaan merujuk kepada usaha pengadunan 10% metil ester sawit dengan 90% bahan api fosil diesel. Malah, pelaksanaan sepenuhnya program B10 dalam jangka panjang akan menyaksikan penggunaan 1.2 juta tan minyak sawit setahun.



BIO BAHAN API BERASASKAN SAWIT

Berikutan paras stok minyak sawit yang tinggi, kerajaan telah merangka dan melaksanakan beberapa langkah bagi memperkukuhkan harga minyak sawit. Ini termasuk meningkatkan kadar adunan biodiesel sawit dalam diesel petroleum daripada 5% kepada 10%.

Program biodiesel sawit mula diperkenalkan secara komersial dengan adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum bermula Jun 2011 dengan pelaksanaan secara berfasa. Program B5 ini telah dilaksanakan sepenuhnya di seluruh Semenanjung Malaysia melibatkan sektor pengangkutan dan perikanan pada Mac 2014. Pelaksanaannya di Semenanjung Malaysia melibatkan penggunaan sebanyak 150 000 t biodiesel sawit setahun di lebih 2832 stesen minyak.

Penggunaan mandatori biodiesel sawit dalam negara telah dipertingkatkan daripada adunan 5% kepada 7% dengan pelaksanaan Program B7 bermula November 2014 secara berperingkat. Keseluruhan sektor pengangkutan dan perikanan di Semenanjung Malaysia telah dibekalkan dengan B7 mulai Disember 2014. Bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pula, B7 telah dibekalkan ke negeri berkenaan sejak Disember 2014. Pelaksanaan Program B7 di seluruh Malaysia bagi kedua-dua sektor pengangkutan dan perikanan melibatkan 3198 buah stesen



Majlis Pelancaran Penggunaan Biodiesel Sawit (Program B7) di Sarawak, Sabah dan Labuan pada 17 Januari 2015 oleh Dato' Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

minyak, pengguna *fleet* dan tangki skid syarikat pengangkutan dengan anggaran penggunaan biodiesel sawit berjumlah 575 000 t/thn. Secara tidak langsung, hampir 667.6 juta liter setahun penggunaan diesel fosil dapat diijimatkan menerusi Program B7 di seluruh Malaysia.

Program B10 (adunan 10% biodiesel sawit dengan 90% diesel petroleum) telah diperkenalkan pada Februari 2013 dengan pelancaran penggunaan B10 bagi kenderaan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan agensi MPIC. Sebanyak 24 buah kenderaan melibatkan sebuah kenderaan MPIC, 19 buah kenderaan berpusat di Ibu Pejabat MPOB dan empat buah kereta Peugeot kegunaan pengurusan tertinggi MPOB dan MPIC.

MPOB turut bekerjasama dengan pihak luar bagi percubaan penggunaan B10, antaranya Alam Flora yang bermula pada Jun 2013. Projek percubaan penggunaan B10 bagi 50 buah kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah dijalankan pada Februari 2014. Sehingga kini, kajian dan projek percubaan berjalan lancar tanpa sebarang masalah teknikal dilaporkan.



Penggunaan B10 oleh kenderaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Prospek penggunaan B10 turut diperluaskan ke sektor industri dengan penawaran skim insentif biodiesel sawit yang telah bermula pada Mac 2013. Dana permulaan sebanyak RM 3 juta daripada Dana Penstabilan Harga Minyak Sawit telah diperuntukkan bagi memastikan harga B10 lebih rendah atau setanding dengan harga diesel industri. Skim ini bertujuan bagi menggalakkan

Bersambung ke muka surat 17

DIARI & PERISTIWA

MEI-OGOS 2015

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Pegawai untuk dihubungi
KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB			
ZON UTARA			
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	26/5/2015 26/8/2015	Bandar Baharu, Kedah Labu Kubong, Perak	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1 Nursuhana Dahari Tel : 07-7891 133 <i>nursuhana@mpob.gov.my</i> Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Hasmiza Desa Tel: 07-454130 <i>hasmiza.desa@mpob.gov.my</i>
Roadshow Promosi Skim TBSPK/TSSPK dan Kursus Amalan Pertanian Baik (GAP) - Teknikal Sawit	5/7/2015	Bagan Datoh, Perak (MPOB Caw. Hilir Perak)	
Lawatan Sambil Belajar	1/6/2015 27/8/2015	CCM Fertiliser Shah Alam, Selangor Gurun, Kedah	
ZON TENGAH			
Program Sehari bersama Ahli Kelab 30 Tan	27/5/2015	Sabak Bernam, Selangor (MPOB Kuala Selangor)	Penyelaras TUNAS Zon Tengah Parthiban Kannan Tel : 03-8926 1854 <i>parthiban@mpob.gov.my</i>
Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi/Promosi Koperasi	24/6/2015	Bilik Mesyuarat PKNS Kuala Selangor (MPOB Caw. Kuala Selangor)	
ZON SELATAN			
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	14/5/2015	Rimba Terjun/Pengkalan Raja, Johor (MPOB Caw. Pontian)	Penyelaras TUNAS Zon Timur Mohd Khairul Anwar Isnin Tel : 09-2960 580 <i>khairulanwar@mpob.gov.my</i> Penyelaras TUNAS Zon Utara Tan Say Peng Tel : 05-6234 104 <i>saypeng@mpob.gov.my</i>
	24/5/2015	Dewan Serbaguan Labis, Johor (MPOB Caw. Segamat)	
	25/5/2015	Seri Medan, Johor (MPOB Caw. Pontian)	
	11/6/2015	Endau/Pengerang, Johor (MPOB Kota Tinggi)	
	9/8/2015	Kulaijaya/Simpang Renggam, Johor (MPOB Caw. Simpang Renggam)	
Program Sehari bersama Ahli Kelab 30 Tan	3/6/2015	Kompleks Usahawan Tani Pagoh, Johor (MPOB Caw. Muar)	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 Arfan Johari Tel: 083-436273 <i>arfan@mpob.gov.my</i>
MAT Koperasi/Promosi Koperasi	25/5/2015	KPSM Yong Peng, Johor	
	8/6/2015	KPSM Kluang Berhad, Johor	
	14/6/2015 29/7/2015	KPSM Kulaijaya Berhad, Johor KPSM Yong Peng, Johor	
Lawatan Sambil Belajar	13/5/2015	CCM Fertilisers Shah Alam, Selangor (MPOB Caw. Muar/Ledang)	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2 Khairul Abidin Tel: 085-427166 <i>khairul.abidin@mpob.gov.my</i>
	15/5/2015	Ibu Pejabat MPOB, Selangor (MPOB Simpang Renggam)	
ZON TIMUR			
Kursus Sehari Pekebun Kecil Sawit	16/6/2015	Dewan Orang Ramai Setiu, Terengganu (MPOB Caw. Hulu Paka)	Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1 Amran Arifin Tel : 088-493700 <i>amranarifin@mpob.gov.my</i>
MAT Koperasi/Promosi Koperasi	18/8/2015	Maran/Temerloh/Bera, Pahang dan Besut, Terengganu	
			Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Shakir Alid Tel: 089-897107 <i>shakir@mpob.gov.my</i>

Sambungan dari muka surat 15

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Pegawai untuk dihubungi
KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB			
ZON SABAH			
Kursus Sehari Pekebun Kecil Sawit	7/5/2015	Kg Karamuak, Sabah (MPOB Caw. Telupid)	
	13/5/2015	Kg Nangoh, Sabah (MPOB Caw. Beluran)	
	13/5/2015	Dewan Kg Bakong-Bakong (MPOB Caw. Beluran)	
	19/5/2015	Dewan Kg Binsulung, Sabah (MPOB Caw. Beluran)	
	16/6/2015	Dewan Pekan Kecil Paitan (MPOB Caw. Beluran)	
	19/6/2015	Keningau, Sabah (MPOB Caw. Keningau)	
	30/6/2015	Dewan Rosok Kota Belud (MPOB Wil. Sabah)	
	14/7/2015	Dewan Cocos Sabah (MPOB Caw. Beluran)	
Taklimat GAP/MSPO	14/5/2015	Nabawan, Sabah (MPOB Caw. Keningau)	
	19/5/2015	Kunak, Sabah (Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu)	
	11/6/2015	Sook, Sabah (MPOB Caw. Keningau)	
	25/6/2015	Balung/Inderasabah, Sabah (MPOB Caw. Tawau)	
	18/7/2015	Dewan Mini Tamalang, Kudat (MPOB Caw. Keningau)	
	5/8/2015	Kg Linayukan, Sabah (MPOB Caw. Telupid)	
	27/8/2015	Dewan Serbaguna Kg Kitagas, Sabah (MPOB Caw. Sandakan)	
	13/9/2015	Tenom, Sabah (MPOB Caw. Keningau)	
Kursus Sehari Bersama Kelab 30 Tan	12/5/2015	Dewan Serbaguna Pinawantai, Matunggong (MPOB Caw. Kota Marudu)	
	26/5/2015	Merotai, Sabah (MPOB Caw. Tawau)	
	9/6/2015	Dewan Mini Kunbatang, Kudat (MPOB Caw. Kota Marudu)	
	13/8/2015	Dewan Sri Lamag, Sabah (MPOB Caw. Kinabatangan)	
Lawatan Sambil Belajar	7/5/2015	Kompleks MPOB Kota Kinabalu, Sabah (MPOB Wil. Sabah)	
	4/6/2015	CCM Fertiliser Sdn Bhd (Stesen Penyelidikan MPOB Ladah Datu)	
	21/7/2015	Kebun George Paulai (MPOB Caw. Kota Marudu)	
KURSUS INDUSTRI ANJURAN MPOB			
Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT			
Wilayah Timur	26-28/5/2015	Akan dimaklumkan kemudian	Norazman Mohd Yob Tel: 03-8769 4874 azmanyob@mpob.gov.my
Wilayah Sarawak	2-4/6/2015		
Wilayah Selatan	9-11/6/2015		
KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)			
Tahap 2 dan 3	Oktober 2015 (Lima bulan)	PLASMA Keratong, Pahang	Mohd Solah Deraman / Siti Balqis Jaafar Tel: 09-451 4400 solah@mpob.gov.my balqis@mpob.gov.my

Sambungan dari muka surat 16

KURSUS INDUSTRI ANJURAN MPOB			
Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT			
Wilayah Timur/Selatan	12-13/5/2015	Akan dimaklumkan kemudian	Mohd Hakeem Osman Tel: 03-8769 4396 hakem@mpob.gov.my
Wilayah Utara	25-26/8/2015		
INTENSIVE DIPLOMA IN OIL PALM MANAGEMENT AND TECHNOLOGY (IDOPMT)			
Semester 1	8-24/3/2015	MPOB Bangi, Selangor	Omar Kamal Tel: 03-8769 4869 omarkama@mpob.gov.my
Semester 2	6-30/4/2015		
Latihan Praktikal	4-8/5/2015		
Semester 3	11/5-1/6/2015		

*Nota: Sebarang perubahan tarikh adalah tertakluk kepada penganjur. Hubungi pegawai terlibat untuk sebarang maklumat lanjut.

Sambungan dari muka surat 14

penggunaan diesel dengan kadar adunan bio-diesel lebih daripada 10% di sektor industri yang melibatkan kilang yang menggunakan dandang dan jentera berenjin diesel. Sehingga kini, 6900 t kuota biodiesel sawit telah diluluskan (69% daripada kuota yang diperuntukkan) dengan penglibatan enam buah syarikat.

Bagi persediaan program B10, standard sementara (provisional) bagi B10 telah diterbitkan pada Mac 2014. Tempoh sah laku standard sementara akan tamat pada Mac 2016. MPOB pada masa ini sedang giat menjalankan kajian yang dicadangkan oleh *Industry Standards Committee ISC/H-Petroleum and Gas SIRIM* bagi membolehkan standard penuh B10 dibangunkan. Selain itu, MPOB turut mengadakan konsultasi dan interaksi berterusan dengan pihak berkepentingan seperti *Japanese Automobile Manufacturers Association (JAMA)*, *Malaysian Automotive Association (MAA)*, pengeluar kenderaan dan *Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)*, berkaitan aspek teknikal dan jaminan enjin.

Inisiatif kerajaan meningkatkan kadar adunan yang lebih tinggi melalui program dan projek percubaan penggunaan B10 adalah bagi memperkukuhkan harga minyak sawit sekali gus meningkatkan imej industri sawit sebagai indus-



Sesi Dialog Pelaksanaan Program Biodiesel di Malaysia bagi sektor industri pada 12 November 2013.

tri yang mesra alam dan mampan. Langkah bijak kerajaan melaksanakan program bio bahan api ini bukan sahaja mampu meningkatkan pembangunan ekonomi negara malah turut membuktikan kerajaan komited dalam mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) sehingga 40% menjelang tahun 2020.



Sumbangan:
Nursyairah Jalil
(nursyairah@mpob.gov.my)

IKLAN

MPOB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Nur Hanani Mansor
(Tel: 03-8769 4257)
nurhanani@mpob.gov.my

atau


Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin
(Tel: 03-8769 4650)
shuhadah@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
60/(2) 2015	Mei – Ogos 2015	31 Julai 2015
61/(3) 2015	Sep – Dis 2015	30 Nov 2015
62/(4) 2016	Jan – Apr 2016	31 Mac 2016

Slip Tempahan

 Ketua Pengarah MPOB
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
U/P: Che Nurul Syuhadah - Unit Khidmat Pengembangan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1920
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

SUDUT EKONOMI

PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Prestasi Industri Sawit Malaysia 2014

